

DASAR KELUARGA NEGARA



ISI KANDUNGAN

DASAR KELUARGA NEGARA (DKN)

MUKA SURAT

1. Pengenalan	1
2. Pernyataan Dasar	2
3. Pernyataan Matlamat	3
4. Rasional DKN	3
5. Prinsip DKN	7
6. Teras Strategi DKN	8
7. Strategi DKN	9
8. Penutup	12

PELAN TINDAKAN KELUARGA NEGARA (PTKN)

MUKA SURAT

1. 3 Teras Strategi	13
2. Pelan Tindakan : Teras Strategi 1	14
3. Pelan Tindakan : Teras Strategi 2	24
4. Pelan Tindakan : Teras Strategi 3	32

GLOSARI

48-50



DASAR KELUARGA NEGARA (DKN)



1. PENGENALAN

Pembangunan negara yang pesat telah menghasilkan pelbagai manfaat yang dinikmati oleh rakyat. Melalui pembangunan, perubahan ke atas struktur keluarga dan gaya hidup keluarga di Malaysia turut berlaku, manakala kualiti hidup keluarga dan rakyat di Malaysia telah meningkat ke tahap yang membanggakan.

Pembangunan juga membawa kepada beberapa perubahan sampingan dan cabaran yang kritikal, termasuk nilai murni yang kian terhakis dalam kehidupan keluarga, ketidakstabilan emosi dan ekonomi keluarga, impak perceraian, gejala sosial yang meruncing dan sebagainya.

Keluarga adalah sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang. Mengikut peruntukan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (1948), institusi keluarga adalah satu unit terpenting dalam masyarakat. Sehubungan itu, adalah wajar institusi keluarga diberi perlindungan oleh masyarakat dan Kerajaan. Justeru, institusi keluarga perlu diperkukuh, diperkaya dan diperkasakan dengan ilmu, pengetahuan dan kemahiran yang terkini.

Setiap ahli keluarga pula perlu memahami dan menghormati hak keluarga, dapat menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing dan tanggungjawab bersama bagi melahirkan insan bermaruah, berkualiti dan berperibadi mulia.

Ahli keluarga juga dapat membina benteng pertahanan melalui penerapan dan amalan nilai murni untuk menangani kesan sampingan pembangunan yang tidak seimbang dan tidak mesra keluarga.

Dasar Keluarga Negara ini yang menyokong dan melengkapi dasar-dasar yang sedia ada seperti Dasar Sosial Negara, Dasar Wanita Negara dan Dasar Kanak-kanak Negara turut berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan matlamat Wawasan 2020. Di samping itu, dasar ini turut merujuk secara khusus kepada tanggungjawab antarabangsa Malaysia seperti di bawah *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* dan *Convention on the Rights of the Child (CRC)*.

Dasar ini memberi penekanan kepada kepentingan mengutamakan kesejahteraan keluarga dalam pelbagai aspek, khususnya bio-fizikal, ekonomi, sosio-psikologikal, kerohanian serta persekitaran yang sihat dan selamat. Dasar Keluarga Negara juga menekankan usaha mengurusperdanakan kesejahteraan keluarga dalam dasar, perundangan dan program pembangunan negara.

2. PERNYATAAN DASAR

Satu dasar untuk mengutamakan keluarga dalam segala usaha pembangunan sosio-ekonomi bagi melahirkan generasi berkualiti.

3. PERNYATAAN MATLAMAT

DKN bertujuan membangun keluarga yang sejahtera, sihat dan resilien untuk memastikan kestabilan sosial.

4. RASIONAL DASAR KELUARGA NEGARA

Penggubalan DKN membolehkan langkah-langkah yang lebih menyeluruh dan sistematik dapat ditumpukan kepada:

- 4.1 **Arah tuju kesejahteraan keluarga** yang menyeluruh, merangkumi pembangunan fizikal, mental, ekonomi, sosial, psikologi dan kerohanian bagi setiap peringkat dalam kitaran hidup keluarga.
- 4.2 Keluarga sebagai unit yang paling asas, **menyediakan landasan untuk pembangunan modal insan** bagi menggerak pembangunan sesebuah negara. Justeru dasar, program, perkhidmatan, perlindungan dan infrastruktur sokongan untuk mendayaupayakan keluarga melalui kekuatan yang sedia ada (*inherent strengths*) dalam diri mereka perlu dibangun dan disebarluaskan bagi melahirkan modal insan yang bermaruah, berkualiti tinggi dan berperibadi mulia.

4.3 **Pembentukan dan pengukuhan institusi keluarga** di mana setiap ahli keluarga dapat diperkasa untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab bersama dan saksama dalam aspek kekeluargaan, ekonomi, kerjaya dan kehidupan demi meningkatkan kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan hidup.

4.4 Usaha membimbing dan memupuk kemahiran untuk **keluarga menyemai, menghayati dan mengamal nilai murni dan nilai kekeluargaan. Nilai-nilai murni** boleh dijadikan pemangkin untuk mencapai kejayaan dan benteng pertahanan diri ahli keluarga. Amalan nilai murni bagi setiap insan dalam keluarganya perlu disebar luas dan diperkukuhkan (*reinforce*) dalam institusi pendidikan, komuniti dan di tempat kerja.

4.5 **Usaha mengeratkan perhubungan antara generasi** di mana warga emas dapat memelihara (*preserve*) dan memperturunkan warisan, nilai murni dan ciri-ciri akhlak mulia kepada generasi akan datang. Maka budaya keluarga penyayang yang akrab, prihatin, hormat-menghormati, adil dan saksama, saling bantu-membantu, dan melindungi warga yang lemah, lanjut usia dan daif boleh diwujudkan, diperkukuhkan dan disebarluaskan.

4.6 Hak asasi kemanusiaan dan kesaksamaan di mana penumpuan akan diberi kepada undang-undang dan dasar yang menjamin perlindungan dan keselamatan serta membudayakan kesaksamaan gender dalam keluarga. Kesedaran dan ilmu pengetahuan akan dipertingkatkan kepada ahli keluarga untuk menghormati hak keluarga, hak individu dalam keluarga supaya dihormati sebagai insan yang memiliki darjat dan maruah diri (*self-dignity*). Amalan positif digalakkan untuk membudayakan keharmonian, keadilan dan kesaksamaan gender dalam kehidupan keluarga tanpa mengira perbezaan jantina dan umur. Jaminan perlu diberi untuk mendapat maklumat dan hak perlindungan undang-undang, penyertaan sosial, perkongsian sumber secara saksama dalam keluarga dan perlindungan daripada keganasan, penderaan serta pengabaian dalam keluarga terhadap wanita, kanak-kanak dan warga emas.

4.7 Peningkatan komitmen dan tanggungjawab sosial semua pihak untuk melaksanakan dasar dan program **mesra keluarga**. Usaha perlu diperhebatkan untuk mengambil kira faktor kesejahteraan keluarga dalam perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program pembangunan ekonomi, politik, kesihatan, sosial, kerohanian, persekitaran, sains dan teknologi serta perundangan. Melalui dasar ini, komitmen boleh dipertingkatkan untuk menyemak dan menyusun semula dasar, objektif, strategi serta program pembangunan dan pemantauan supaya lebih **mesra keluarga**.

4.8 Peningkatan pelaksanaan program kesejahteraan keluarga untuk **keluarga yang berbeza struktur dan mudah terancam**. Komitmen dan tanggungjawab sosial semua pihak akan dipertingkatkan selaras dengan budaya penyayang masyarakat Malaysia. Pelbagai program akan disusun, diselaras dan diperluaskan dengan perkhidmatan, kemudahan dan infrastruktur sokongan untuk keluarga yang berbeza struktur seperti keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal atau bapa tunggal, keluarga miskin tegar, keluarga mudah terancam (terabai atau daif), keluarga yang mempunyai anak istimewa, keluarga yang dianggotai oleh orang kurang upaya dan sebagainya.

4.9 **Pembangunan modal insan dan k-Keluarga:** Komitmen dan tanggungjawab sosial semua pihak akan dipertingkat dan diperluaskan untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan dari aspek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta menyediakan sokongan mesra keluarga dan peluang bagi ahli keluarga memaju dan memahirkan diri.

5 PRINSIP DASAR KELUARGA NEGARA

Dasar Keluarga Negara menggariskan 8 prinsip utama. Prinsip tersebut ialah:

Prinsip 1:

Keluarga memiliki kekuatan tersendiri (*inherent strengths*), bertanggungjawab untuk kelangsungan generasi ke generasi.

Prinsip 2:

Keluarga bertanggungjawab memupuk dan menghayati nilai-nilai murni.

Prinsip 3:

Kepelbagaian struktur keluarga mewujudkan keperluan yang berbeza.

Prinsip 4:

Hubungan mesra, budaya perkongsian sumber dan tanggungjawab bersama dan saksama menjamin kesejahteraan keluarga.

Prinsip 5:

Ilmu dan maklumat sebagai asas keluarga sejahtera (k-Keluarga).

Prinsip 6:

Perundangan, dasar dan program perlu mesra keluarga.

Prinsip 7:

Ahli keluarga mempunyai hak asasi dan perlindungan bagi menjamin maruah diri.

Prinsip 8:

Komitmen majikan menjamin kesejahteraan keluarga.

6. TERAS STRATEGI

Sebanyak 3 teras strategi ditetapkan di bawah DKN seperti berikut:

- 6.1 Meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan sosio-ekonomi;
- 6.2 Memastikan undang-undang, dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan mengutamakan perspektif keluarga; dan
- 6.3 Menyedia dan memastikan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga mudah diakses atau dicapai.

7. STRATEGI PELAKSANAAN DASAR

Bagi mencapai matlamat DKN, sebanyak 6 strategi telah dirangka. Strategi-strategi tersebut adalah seperti berikut:

7.1 Penyelidikan dan Pembangunan dalam Kesejahteraan Keluarga.

- Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kesejahteraan keluarga, di mana hasilnya dapat digunakan sebagai input kepada penggubalan dasar dan undang-undang serta perancangan program; dan
- Menggalakkan pelaksanaan serta peningkatan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pembangunan kesejahteraan keluarga oleh agensi kerajaan, swasta, institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

7.2 Advokasi Mengutamakan Kesejahteraan Keluarga.

- Promosi, keprihatinan dan iltizam untuk mengutamakan kesejahteraan keluarga dalam dasar dan program pembangunan bagi para pemimpin, penggubal dasar, pembuat keputusan dalam sektor awam, swasta, pemimpin masyarakat sivil dan keluarga sendiri dapat dipertingkatkan melalui advokasi.

7.3 Latihan dan Pendidikan Sepanjang Hayat untuk Pembangunan Modal Insan dan Keluarga Sejahtera.

- Menyediakan peluang dan prasarana untuk keluarga menyertai program latihan dan pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan modal insan dan keluarga sejahtera yang komprehensif;
- Menggalakkan keluarga memiliki ilmu dan meningkatkan pelbagai kemahiran yang relevan untuk membangunkan insan yang mempunyai nilai-nilai murni dan berakhlak mulia; dan
- Menyediakan pelbagai kaedah pendidikan dan latihan formal dan tidak formal yang kreatif, inovatif dan berkesan termasuk penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi terkini untuk memudahkan ahli keluarga mendapat ilmu dan kemahiran.

7.4 Penyediaan Kemudahan Sumber dan Persekitaran yang Mendaya Upayakan Keluarga

- Melalui strategi ini, usaha untuk meningkatkan akses pelbagai sumber melalui perkongsian, pertukaran, pengumpulan dan peningkatan pelbagai sumber untuk mengendalikan program, perkhidmatan dan sistem sokongan serta kemudahan mesra keluarga dapat dilaksanakan.

7.5 Perundingan dan Perkongsian Pintar dalam Pelbagai Agensi Kerajaan, Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan Komuniti.

- Pemahaman dan komitmen menggerakkan program mengutamakan kesejahteraan keluarga melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial bagi sektor awam dan swasta serta anggota masyarakat;
- Kerjasama yang sistematik dan bersepadu antara semua pihak yang terlibat;
- Pelaksanaan program mengutamakan keluarga melalui perkongsian maklumat, pakar rujuk, sumber teknikal, jurulatih dan sumber kewangan antara pihak kerajaan, swasta, NGO, institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi; dan
- Pengiktirafan NGO sebagai rakan pintar antara program peringkat akar umbi selaras dengan matlamat Dasar Keluarga Negara.

7.6 Pemantauan dan Penilaian

Melalui strategi ini, maklum balas dan keberkesanan program hasil daripada proses pemantauan dan penilaian pelaksanaan Pelan Tindakan Keluarga Negara dapat dikumpul dan digunakan sebagai input baru untuk merangka/ meminda dasar dan perundangan serta menambah baik program susulan.

8. PENUTUP

Dasar Keluarga Negara merupakan dasar utama yang memfokuskan kepada aspek kesejahteraan dan pembangunan keluarga. Dasar ini juga memberi hala tuju kepada program dan projek yang mesra keluarga bagi membangunkan keluarga yang sejahtera supaya anggota masyarakat menghayati nilai-nilai murni sejajar dengan aspirasi Wawasan 2020. Pelaksanaan DKN perlu diberi penekanan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan demi pembangunan modal insan yang berperibadi mulia dan keluarga yang sejahtera.

PELAN TINDAKAN KELUARGA NEGARA (PTKN)

TERAS STRATEGI 1:

Meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha pembangunan sosio-ekonomi.

TERAS STRATEGI 2:

Memastikan undang-undang, dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang mengutamakan perspektif keluarga.

TERAS STRATEGI 3:

Menyedia dan memastikan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga mudah diakses atau dicapai.

TERAS STRATEGI 1:

**Meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk
mengutamakan perspektif keluarga dalam segala usaha
pembangunan sosio-ekonomi.**

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
1.1	Mendapat komitmen (<i>political will</i>) daripada pemimpin setiap lapisan masyarakat termasuk pemimpin tertinggi bagi mempromosi dan menyebar luas maklumat mengenai DKN dan Pelan Tindakan DKN.	<ul style="list-style-type: none"> • Advokasi dan Promosi. • <i>Annual Minister and Board Consultative Forum.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Agensi Kerajaan • Pemimpin Negara • Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta • Majikan Swasta • NGO • Masyarakat • Media Massa 	<ul style="list-style-type: none"> • KPWKM • LPPKN • KPT • KPPK • Agensi Kerajaan 	2012 - 2014	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap kesedaran terhadap DKN meningkat dalam kalangan pemimpin masyarakat. • Pelaksanaan promosi DKN di semua kawasan parlimen.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
1.2	Meningkat dan mengarusperdanakan perspektif keluarga dalam perancangan sosial negara .	<ul style="list-style-type: none"> Pembangunan Indikator Kesejahteraan Keluarga. Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Keluarga Negara. Menilai keberkesanan promosi, program latihan dan perkhidmatan mengutamakan kesejahteraan keluarga. Menggalakkan projek pembangunan kerajaan dan swasta mematuhi syarat melaksanakan penilaian impak sosial (<i>Social Impact Assessment</i>) bagi memantau kesan ke atas keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> UPE KPWKM LPPKN 	<ul style="list-style-type: none"> 2011-2014 2013 - 2015 2013 - 2015 2013 - 2015 	<ul style="list-style-type: none"> Set Indikator Kesejahteraan Keluarga diwujudkan. Peningkatan pelaksanaan program dan inisiatif kekeluargaan di agensi kerajaan. Tahap kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kekeluargaan meningkat. Bilangan projek pembangunan yang mengambil kira penilaian impak sosial meningkat 5% setiap tahun sehingga tahun 2015.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
1.3	Membangunkan LPPKN sebagai <i>Family Centre of Excellence</i> .	<ul style="list-style-type: none"> Mewujudkan Institut Keluarga dan Penduduk Negara. 	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Kerajaan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta Pemimpin Swasta, NGO dan Komuniti Keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> KPWKM LPPKN JPA MOF UPE 	2011 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> LPPKN menjadi pusat rujukan isu dan pembangunan program kekeluargaan. Bank data profil keluarga dan pakar rujuk diwujudkan (<i>Family Repository</i>). Program Latihan Kekeluargaan yang sistematis dipertingkatkan.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
1.4	Mewujudkan <i>Focal Point</i> kesejahteraan keluarga di setiap Jabatan di peringkat Kerajaan Pusat dan Negeri serta wakil dari Sektor Swasta dan NGO.	<ul style="list-style-type: none"> • Program Kesedaran dan Kemahiran. • Bengkel. • Kursus. 	<ul style="list-style-type: none"> • Agensi Kerajaan • Sektor Swasta (FPLC, FMM, MEF) • NGO • Komuniti • Keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> • KPWKM • Agensi Kerajaan di peringkat Pusat dan Negeri • Sektor Swasta • NGO 	2011 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar dan program yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan mengambil kira perspektif keluarga.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
1.5	Membentuk Majlis Penasihat Kesejahteraan Keluarga yang diwakili oleh agensi kerajaan, swasta, NGO dan individu peringkat kebangsaan dan antarabangsa.	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat (2 kali dalam setahun) 	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Kerajaan Sektor Swasta (FPLC) NGO Individu 	<ul style="list-style-type: none"> JPM KPWKM LPPKN NGO 	2010 sehingga 2011	<ul style="list-style-type: none"> Hala tuju dan pelaksanaan PTKN dapat dipantau dan dinilai.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
1.6	Mengenal pasti Kumpulan "Pejuang Kesejahteraan Keluarga" (<i>Family Champions</i>) untuk mengarusperdanakan kesejahteraan keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> Membentuk "Ikon Keluarga". 	<ul style="list-style-type: none"> Keluarga Pemimpin Masyarakat Agensi Kerajaan Sektor Swasta NGO 	<ul style="list-style-type: none"> KPWKM 	2012 -2020	<ul style="list-style-type: none"> Kumpulan <i>Family Champions</i> dapat memperjuangkan isu kekeluargaan. Isu kekeluargaan dapat ditangani dengan lebih berkesan.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
1.7	Memberi insentif, penghargaan dan anugerah kepada majikan sektor awam dan swasta serta NGO yang mengorientasi dan melaksanakan dasar, serta menyediakan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> • Program Kesedaran Corporate Social Responsibility (CSR). • Persidangan Corporate Social Responsibility (CSR). 	<ul style="list-style-type: none"> • Ketua Jabatan Agensi Kerajaan • Majikan Swasta • NGO 	<ul style="list-style-type: none"> • MOF • KSM • KPWKM 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan syarikat-syarikat bertambah/ budaya CSR diterapkan. • Peningkatan penyertaan pihak swasta/ NGO dalam perkongsian pintar.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
1.8	Meningkatkan komitmen dan penglibatan pemimpin tertinggi dalam penerapan nilai murni, budaya penyayang dan kesaksamaan gender dalam keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> Advokasi dan Promosi. 	<ul style="list-style-type: none"> Pemimpin Keluarga Masyarakat NGO Media massa Wakil Rakyat 	<ul style="list-style-type: none"> KPKK LPPKN IIM Media massa Sektor Swasta NGO Pemimpin Agama 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan kesedaran dan pelaksanaan program mengenai nilai murni, budaya penyayang dan kesaksamaan gender dalam kalangan pemimpin meningkat.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
1.9	Memberi pengiktirafan kepada penghasilan karya seni antaranya penerbitan filem, drama, teater, media massa dan multimedia yang menerapkan amalan nilai murni dalam bahan penerbitan.	<ul style="list-style-type: none"> Memberi anugerah kepada syarikat produksi penerbitan yang mengintegrasikan nilai murni dalam bahan penerbitan. 	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat produksi filem, televisyen dan radio Syarikat pengiklanan FINAS FFDAM 	<ul style="list-style-type: none"> KPKK KETA 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan penerbitan dan penghasilan karya seni berkaitan isu keluarga dan amalan nilai murni.

TERAS STRATEGI 2:

Memastikan undang-undang, dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang mengutamakan perspektif keluarga.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
2.1	Mengkaji semula undang-undang, dasar, penguatkuasaan dan perkhidmatan sokongan supaya mesra keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> Mengenalpasti undang-undang yang berkaitan. Bengkel meneliti dan meminda undang-undang mesra keluarga. Mengalakkan kursus pra perkahwinan kepada pasangan bukan Islam. Inisiatif mesra keluarga di tempat kerja. Inspektorat Keluarga. Menjalankan kajian dan penyelidikan. 	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Kerajaan Sektor Swasta NGO 	<ul style="list-style-type: none"> AGC UPE KPWKM KSM KPKT KDN NGO JPN Sektor Swasta 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Penambahbaikan undang-undang, prosedur dan dasar yang mesra keluarga. Undang-undang, prosedur dan dasar yang tidak mesra keluarga dipinda supaya mesra keluarga. Institusi keluarga lebih kukuh dengan penambahan ilmu kekeluargaan. Kualiti hidup keluarga lebih terjamin.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
2.2	Meningkat kesedaran dan memperkasakan ahli keluarga dan komuniti dengan maklumat mengenai hak dan perlindungan keselamatan keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan program Literasi Undang-undang. 	<ul style="list-style-type: none"> Keluarga Penggubal dasar Masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> AGC KPWKM LPPKN Sektor Swasta PDRM BBG Agensi Kerajaan NGO 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Masyarakat yang ceik undang-undang berkaitan hak dan keselamatan keluarga.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM / AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
2.3	Mempertingkatkan usaha menubuhkan Mahkamah Keluarga di seluruh negara.	<ul style="list-style-type: none"> • Penubuhan Mahkamah Keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat • Keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> • AGC • BHEUU • KPWKM • JKM • JKSM 	2011 – 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Kes-kes keluarga dapat diselesaikan dengan segera.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
2.4	Membangun dan memperkasakan individu yang berkeupayaan untuk menjalankan fungsi sebagai <i>family mediator</i> .	<ul style="list-style-type: none"> • Advokasi dan Promosi. • Perkhidmatan Mediasi. • Program Kemahiran Mediasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat • Keluarga • NGO • Pemimpin Agama • Wakil Rakyat 	<ul style="list-style-type: none"> • KPWKM • AGC • JPN • LPPKN • BBG • Mahkamah Syariah • Pemimpin Agama • IPT 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan Perkhidmatan Mediasi Keluarga. • Lebih ramai individu mendapat perkhidmatan mediasi keluarga.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
2.5	Meningkat dan memperluaskan program kesaksamaan gender dalam keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan program kesaksamaan gender dalam keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Peguam Mahkamah Syariah PDRM Hakim Kakitangan Agensi Perundangan dan Penguatkuasaan Keluarga Remaja 	<ul style="list-style-type: none"> KPWKM KPM JPW AGC LPPKN JLKN NGO 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan kesedaran, amalan dan penghayatan kesaksamaan gender dalam keluarga.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
2.6	Mengkaji perluasan insentif pengukuhan institusi keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> Pekerja yang mengikuti kursus kesejahteraan keluarga. Majikan yang menganjur atau membiayai kursus/program kesejahteraan keluarga. Syarikat-syarikat yang menyediakan dasar, program, perkhidmatan dan sokongan mesra keluarga. Anak-anak dewasa yang menyumbang atau menanggung kos sara hidup ibu dan bapa yang lanjut usia. 	<ul style="list-style-type: none"> Sektor Swasta Individu Anak-anak Keluarga Masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> MOF KPWKM KSM LHDN Sektor Swasta (FMM, MEF, FPLC) 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> Peningkatan penyertaan/penambahan pengetahuan pekerja mengenai kehidupan kekeluargaan. Peningkatan tahap kesejahteraan keluarga. Pertambahan bilangan penganjur program oleh majikan meningkat.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
		<ul style="list-style-type: none"> Majikan yang menyumbang atau mengendalikan pusat penjagaan harian ahli keluarga untuk anak-anak dan warga emas. Pakej Mesra Keluarga: <ul style="list-style-type: none"> Pakej Perkahwinan. Pakej Keluarga. Pakej Warga Emas. 				<ul style="list-style-type: none"> Lebih ramai anak dewasa sedia menanggung kos sara hidup ibu bapa. Kes-kes pengabaian ibu bapa dapat dikurangkan. Bilangan pusat jagaan harian untuk kanak-kanak dan warga tua meningkat.

TERAS STRATEGI 3:

Menyedia dan memastikan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga mudah diakses atau dicapai.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.1	<p>Mengkaji semula program keluarga berprestasi mulia dan keluarga sejahtera yang sedia ada dan membangunkan program baru.</p> <p>Fokus kepada 6 domain:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perspektif keluarga dalam pembangunan negara. - Pengukuhan nilai teras keluarga. - Pengukuhan institusi perkahwinan. - Keperluan keibubapaan keluarga dipenuhi. - Asas yang kukuh untuk remaja - Penyediaan perkhidmatan sokongan keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel mengkaji dan menilai program pendidikan. • Latihan. • Program bagi pelaksanaan 6 domain. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perancang dan Pelaksana Program • Agensi Kerajaan • Swasta • NGO • Pemimpin Masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> • KPWKM • LPPKN • Agensi Kerajaan • Sektor Swasta • Institusi Agama • NGO 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahbaikan program yang sedia ada dan program baru.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.2	Memperluaskan pelaksanaan program kesejahteraan keluarga, memberi penekanan terhadap pembinaan keluarga selamat dan resilien.	<ul style="list-style-type: none"> • Pakej Mesra Keluarga: <ul style="list-style-type: none"> - Pakej Perkahwinan. - Pakej Keluarga. - Pakej Warga Emas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Keluarga • Masyarakat • Remaja • Suami isteri 	<ul style="list-style-type: none"> • KPWK • LPPKN • JAKIM • Institusi Agama • Agensi Kerajaan dan Swasta • NGO 	2010 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan program/aktiviti kesejahteraan keluarga bertambah. • Penyampaian program kepada pelbagai sektor/kumpulan sasaran meningkat. • Perhubungan keluarga yang lebih mantap. • Elemen keluarga selamat dan resilien diterapkan dalam pelaksanaan program.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.3	Mengkaji dan meningkatkan perkhidmatan sokongan dan kemudahan mesra keluarga di tempat kerja dan dalam komuniti.	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel. Advokasi dan Promosi. Pendidikan kekeluargaan di tempat kerja/komuniti. <i>One Stop Family Centre.</i> <i>Day Care Centre.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> Penggubal Dasar Perancang dan pelaksana program dari Kerajaan dan Swasta NGO Pemimpin Masyarakat IPTA Keluarga 	<ul style="list-style-type: none"> KPWKM LPPKN KSM Agensi Kerajaan Sektor Swasta (FPLC, MEF, FMM) Institusi Agama JKM 	2010 dan berterusan	<ul style="list-style-type: none"> Memperluaskan perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga. Akses kepada kemudahan sokongan keluarga meningkat. Bilangan pusat jagaan harian meningkat.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.4	Membangunkan satu Kod Nilai Keluarga sebagai panduan penerapan dan amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan.	<ul style="list-style-type: none"> Program kekeluargaan dipertingkatkan berpandukan amalan nilai-nilai murni. 	<ul style="list-style-type: none"> Ahli keluarga. Masyarakat. Pemimpin. 	<ul style="list-style-type: none"> KSM JPA JKM KPWKM KPKK LPPKN JAKIM JPNIN IIM Institusi Agama 	2013 – 2015 2012 dan berterusan	<ul style="list-style-type: none"> Kod Nilai Keluarga diwujudkan. Peningkatan penerapan amalan nilai-nilai murni dalam keluarga.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.5	Memperluaskan program dan perkhidmatan serta meningkatkan penglibatan kaum lelaki.	<ul style="list-style-type: none"> • Memperluaskan program kesedaran, pengetahuan dan kemahiran. • Perkhidmatan kaunseling bagi kaum lelaki. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ahli keluarga • Ahli masyarakat • Pemimpin • Kaum lelaki 	<ul style="list-style-type: none"> • Agensi kerajaan • KPWKMM • KSM • LPPKN • JAKIM • IPT • Sektor Swasta • Institusi Agama • NGO 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Penyertaan kaum lelaki meningkat. • Penurunan kes konflik keluarga.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.6	Membangunkan dan meluaskan program mengeratkan hubungan antara generasi.	<ul style="list-style-type: none"> Program/aktiviti hubungan antara generasi. 	<ul style="list-style-type: none"> Ahli keluarga Masyarakat Pemimpin 	<ul style="list-style-type: none"> Agensi Kerajaan KPWKM KSM LPPKN IPT Sektor Swasta Institusi Agama NGO 	2011 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> Hubungan antara generasi semakin erat. Kes-kes konflik antara generasi dapat dikurangkan.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.7	Memantap, meningkatkan dan memperluaskan sistem latihan kejurulatihan (TOT).	<ul style="list-style-type: none"> • Program latihan kejurulatihan (TOT). • Pemantauan dan penilaian jurulatih. 	<ul style="list-style-type: none"> • Jurulatih Agensi Kerajaan/ Swasta • NGO • Ibu bapa • Masyarakat • Guru 	<ul style="list-style-type: none"> • KPWKM • LPPKN • ISM • Agensi Kerajaan • Sektor Swasta • NGO 	2011 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan jurulatih mahir meningkat.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.8	Mengintegrasikan nilai murni keluarga dalam perancangan dan pelaksanaan program sosial, kesihatan, ekonomi dan persekitaran.	<ul style="list-style-type: none"> Mengintegrasikan program kekeluargaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Penggubal Dasar Perancang dan pelaksana program Sektor Awam dan Swasta 	<ul style="list-style-type: none"> IIM KPWKM LPPKN KKM Agensi Kerajaan dan Swasta yang berkaitan 	2011 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> Amalan nilai murni keluarga meningkat.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.9	Mewujudkan program sokongan sukarelawan keluarga (<i>family voluntary support groups</i>).	<ul style="list-style-type: none"> Bengkel sukarelawan keluarga. Program latihan sukarela. 	<ul style="list-style-type: none"> Keluarga Masyarakat NGO JKKK / RT Sukarelawan 	<ul style="list-style-type: none"> KPWKM LPPKN Agensi Kerajaan Swasta 	2011 - 2013	<ul style="list-style-type: none"> Melahirkan ramai sukarelawan keluarga. Kes-kes konflik dapat di kurangkan. Peningkatan khidmat sokongan keluarga dalam komuniti.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.10	Membangun dan meluaskan program kesedaran dan menggalakkan amalan menghormati hak keluarga dan hak kemanusiaan individu untuk mendapat perlindungan dalam keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> • Program Kesedaran. • Program Pemerdayaan Keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> • Keluarga • Masyarakat • Bakal Pengantin Pelbagai Agama • Remaja 	<ul style="list-style-type: none"> • KPWKM • LPPKN • BGN • JPNIN • JAKIM • Institusi Agama • NGO • SUHAKAM • JKM • JPW 	2011 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurangan gejala sosial seperti kes keganasan rumahtangga, penderaan kanak-kanak dan konflik keluarga.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.11	Menyemak dan mengintegrasikan aspek kesejahteraan keluarga dalam kurikulum dan kokurikulum taska, pra-sekolah, sekolah, institusi pengajian tinggi dan organisasi.	<ul style="list-style-type: none"> Mengintegrasikan aspek kesejahteraan keluarga dalam kurikulum. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar pelbagai peringkat dan jenis kebangsaan Pekerja Awam dan Swasta 	<ul style="list-style-type: none"> KPWKM KPM KPT JPNIN LPPKN IPT Sektor Swasta KEMAS Majikan NGO 	2011 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> Elemen kesejahteraan keluarga diterapkan dalam kurikulum dan ko-kurikulum taska, pra-sekolah, sekolah, IPT dan organisasi.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.12	Melaksana dan memperluaskan program pembangunan modal insan yang seimbang pada semua peringkat.	<ul style="list-style-type: none"> • Program Pembangunan Modal Insan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa • Penjaga • Pelajar • Pendidik • Remaja dan kanak-kanak • NGO 	<ul style="list-style-type: none"> • KPWK • Agensi Kerajaan • Sektor Swasta • Institusi Agama • NGO 	2011 - 2020	<ul style="list-style-type: none"> • Program pembangunan modal insan dilaksanakan di semua agensi.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.13	Mengalakkan semua pihak yang berkepentingan (<i>stakeholders</i>) mewujudkan dan memperluaskan perkhidmatan sokongan keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat setempat penjagaan keluarga. • Perkhidmatan kaunseling keluarga: <ul style="list-style-type: none"> - Sesi individu. - Sesi kelompok / keluarga. - Bimbingan dan konsultasi. - Lawatan ke rumah. • Rawatan terapi keluarga di peringkat negeri, komuniti dan daerah. • Perkhidmatan mediasi keluarga. 	<ul style="list-style-type: none"> • Keluarga • Masyarakat • Pemimpin Masyarakat • NGO • Warga Tua • Kanak-kanak dan Remaja • Mangsa Penceriaan • Ibu Tunggal • Mangsa Penderaan • Mangsa HIV/AIDS • Mangsa Keganasan Seksual 	<ul style="list-style-type: none"> • UPE • KSM • KKM • KPKT • Pusat • Komuniti/ JKKK • Sektor Swasta • NGO 	2011 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan bilangan dan jenis perkhidmatan sokongan keluarga dalam komuniti.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.14	Membangunkan kapasiti dan kepakaran kakitangan serta sukarelawan agar dapat merancang, melaksana dan memantau program dan perkhidmatan kesejahteraan keluarga.	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel. • Latihan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kakitangan Sumber Manusia Agensi Kerajaan dan Swasta • Agensi Pelaksana • NGO 	<ul style="list-style-type: none"> • MOF • KPWKIM • JPA • KSM • INTAN • Sektor Swasta • IPT • NGO 	2011 - 2015	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kepakaran dalam kalangan kakitangan serta sukarelawan. • Keberkesanan program kekeluargaan dapat dipantau. • Pengkalan data sukarelawan.

BIL.	TINDAKAN	PROGRAM/ AKTIVITI	KUMPULAN SASAR	AGENSI PELAKSANA PELAKSANAAN	TEMPOH PELAKSANAAN	OUTCOME
3.15	Mengenal pasti bidang keutamaan dan melaksanakan penyelidikan dalam pelbagai aspek perkahwinan dan kekeluargaan.	<ul style="list-style-type: none"> Kajian dan Penyelidikan Mengenai Isu Kekeluargaan. 	<ul style="list-style-type: none"> Keluarga Masyarakat Penggubal Dasar Agensi Pelaksana NGO 	<ul style="list-style-type: none"> LPPKN IPT Institusi Penyelidikan 	2013 dan berterusan	<ul style="list-style-type: none"> Pertambahan hasil-hasil penyelidikan. Penambahbaikan program kekeluargaan.

GLOSARI AKRONIM

AADK	-	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
AGC	-	Jabatan Peguam Negara
BBG	-	Biro Bantuan Guaman
CUEPACS	-	Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam
FDAM	-	Film Director Association of Malaysia
FPLC	-	Federation of Public Listed Company
FINAS	-	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
FMM	-	Federation of Malaysian Manufacturers
ICT	-	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IIM	-	Institut Integriti Malaysia
IKIM	-	Institut Kefahaman Islam Malaysia
INTAN	-	Institut Tadbiran Awam Negara
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
ISM	-	Institut Sosial Malaysia
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JKKK	-	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

GLOSARI AKRONIM

JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKSM	-	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JPA	-	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPNIN	-	Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional
JPM	-	Jabatan Perdana Menteri
JPN	-	Jabatan Pendaftaran Negara
JPW	-	Jabatan Pembangunan Wanita
KBS	-	Kementerian Belia dan Sukan
KP	-	Kementerian Pengangkutan
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPKK	-	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia
KEMAS	-	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPKT	-	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPWKM	-	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

GLOSARI AKRONIM

KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
KSM	-	Kementerian Sumber Manusia
KETA	-	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
LHDN	-	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LPPKN	-	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MTUC	-	Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
MOF	-	Kementerian Kewangan
NGO	-	Badan-Badan Bukan Kerajaan
PENGASIH	-	Persatuan Pengasih Malaysia
Per.P	-	Persatuan Penduduk
SPU	-	Unit Perancang Sosial
UPE	-	Unit Perancang Ekonomi